



MEMO



UNIT PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BAHAGIAN KAWALAN TEKNIKAL JABATAN TENAGA MANUSIA

RUJUKAN : JTM/HQ/900-3/7 JLD. 5 (5)

TARIKH : 8 Julai 2015

PERKARA : LAWATAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN BIL 2/2015	
DARIPADA : KPP (KT) 1	SALINAN : 1. TKP 2. P (KT) 3. P (JMTI)
KEPADA : Pengarah ADTEC Kulim Pegawai Naziran : 1. En. Mohd. Yusri Bin Mohd. Rahim (K) 2. En. Mohamad Safri Bin Mohd Dali 3. En. Muhammad Hafiz Bin Ahmad Sohan	

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pegawai Naziran (PN) akan membuat lawatan ke institut tuan pada **27 hingga 29 Julai 2015 bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang**. Lawatan Naziran ini akan meliputi semua kursus di ILJTM yang melaksanakan Sistem Penilaian Berasaskan sistem CGPA (SPC) mengikut maklumat seperti di **Lampiran 1** dan penilaian portfolio bagi persijilan Sijil/Diploma Kemahiran Malaysia (SKM/DKM) yang melaksanakan program *Single Tier* (**Lampiran 2**).

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diminta menguruskan dan memastikan bahawa:

- i. Penyelaras Pusat, Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pegawai Penilai (PP) berada di institut ketika lawatan diadakan. Perbincangan di antara PN dan pegawai-pegawai berkenaan perlu diadakan sebelum PN membuat lawatan ke bengkel.
- ii. Semua dokumen berkaitan dengan Sistem Penilaian CGPA (SPC) yang dikemaskini, tersedia di bengkel berkenaan untuk semakan dan pengesahan PN. Borang – borang tersebut adalah seperti berikut:
 - a) Borang Laporan Keputusan (SPC.02)
 - b) Borang Pencapaian Pelajar (SPC.03)
 - c) Borang Laporan Keputusan Akhir Semester (SPC.05)
 - d) Borang Permohonan Pengeluaran Sijil / Diploma (SPC.06)
 - e) Borang Audit Keterampilan Tahap 1, 2 dan 3 (SPC.07)

MAKLUMAT BAGI TUJUAN LAWATAN NAZIRAN BIL 2/2015

NAMA INSTITUT : PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) KULIM

BIL	KURSUS	JENIS PERSIJILAN (Nyatakan samada SJP/ST/DT/DTK/ DLT/DLTK)	TEMPOH SEMESTER LATIHAN TERMASUK 'LI'	LAWATAN PERTAMA		LAWATAN TERAKHIR	
				*BIL. PELAJAR (SPC.01)	SESI MASUK	*BIL. PELAJAR (SPC.01)	SESI MASUK
1	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PERKAKASAN)	DTP	3 TAHUN	5	1/2014		
2	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PERKAKASAN)	DTK	3 TAHUN			1	2/2012
3	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PERKAKASAN)	DT	3 TAHUN			10	2/2012
4	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PEMESINAN)	DTP	3 TAHUN	17	1/2014		
5	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PEMESINAN)	DTK	3 TAHUN			14	2/2012
6	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PEMESINAN)	DT	3 TAHUN			16	2/2012
7	TEKNOLOGI TELEKOMUNIKASI	DTP	3 TAHUN	17	1/2014		
8	TEKNOLOGI TELEKOMUNIKASI	DTK	3 TAHUN			12	2/2012
9	TEKNOLOGI TELEKOMUNIKASI	DT	3 TAHUN			31	2/2012
10	TEKNOLOGI ELEKTRONIK	DTP	3 TAHUN	21	1/2014		
11	TEKNOLOGI ELEKTRONIK	DTK	3 TAHUN			19	2/2012
12	TEKNOLOGI ELEKTRONIK	DT	3 TAHUN			25	2/2012
13	TEKNOLOGI ELEKTRONIK	DT	3 TAHUN 3 BULAN			9	1/2012
14	TEKNOLOGI ELEKTRONIK	DTP	1 TAHUN 6 BULAN			21	1/2014
15	TEKNOLOGI MEKATRONIK	DTK	3 TAHUN	9	1/2014		
16	TEKNOLOGI MEKATRONIK	DTK	3 TAHUN			17	2/2012
17	TEKNOLOGI MEKATRONIK	DT	3 TAHUN			16	2/2012
18	TEKNOLOGI MEKATRONIK	DTP	1 TAHUN 6 BULAN			16	1/2014

Sila masukkan maklumat pelajar yang tangguh pada ruangan di bawah :-

BIL	KURSUS (PELAJAR TANGGUH)	JENIS PERSIJILAN (Nyatakan samada SJP/ST/DT/DTK/ DLT/DLTK)	TEMPOH SEMESTER LATIHAN TERMASUK 'LI'	LAWATAN TERAKHIR		
				SESI MASUK	BIL. PELAJAR	**BIL TANGGUH (Nyatakan samada kali 1 atau ke-2)
1	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PERKAKASAN)	DT	3 TAHUN	2/2011	3	1
2	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PEMESINAN)	DT	3 TAHUN	1/2012	1	1
3	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PEMESINAN)	DTK	3 TAHUN	1/2012	1	1
4	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PEMESINAN)	DTP	2 TAHUN	1/2013	1	1
5	TEKNOLOGI PEMBUATAN (PEMESINAN)	DTP	2 TAHUN	1/2013	1	1
6	TEKNOLOGI ELEKTRONIK	DT	2 TAHUN 3 BULAN	1/2011	1	2

* Bilangan pelajar bagi tujuan lawatan ialah jumlah pelajar yang telah didaftarkan di dalam SPC.01.

** Bilangan tangguh hendaklah dinyatakan dan ianya merujuk kepada syarat-syarat yang melayakkannya untuk tangguh.

**MAKLUMAT LAWATAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN BAGI CALON SKM
PROGRAM PERSIJILAN TUNGGAL (SINGLE TIER) BIL 2/2015**

NAMA ILJTM : PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGI (ADTEC) BATU PAHAT, JOHOR

JENIS VERIFIKASI : SEMAKAN PORTFOLIO						
BIL.	NO. PENGAMBILAN	SESI PENGAMBILAN	NAMA PROGRAM	TAHAP SEMASA PELAJAR	TAHAP PORTFOLIO YANG PERLU DISEMAK	BIL CALON
1	K01104-MC-090-4-17582	'2/2013	DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKATRONIK	TAHAP 4	TAHAP 3	25
2	K01104-D-051-4-17567	'2/2013	DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KOMPUTER RANGKAIAN	TAHAP 4	TAHAP 3	16
3	K01104-H-023-4-17571	'2/2013	DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KIMPALAN	TAHAP 4	TAHAP 3	32
4	K01104-H-095-4-17573	'2/2013	DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (PERKAKASAN)	TAHAP 4	TAHAP 3	11
5	K01104-H-050-4-7090	'2/2012	DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (PEMESINAN)	TAHAP 4	TAHAP 3	1
JUMLAH KESELURUHAN						85

4. **PN perlu menyediakan Laporan Verifikasi PN** dengan lengkap mengikut format laporan terkini (Versi 2015) yang boleh dimuat turun di laman web JTM (www.jtm.gov.my/persijilan) dan menyerahkannya kepada ILJTM untuk tindakan. Laporan Lawatan Verifikasi PN bagi sesi lepas untuk institut yang dilawat boleh dimuat turun melalui laman web yang sama.

5. Sekiranya terdapat Pegawai Naziran yang tidak dapat melaksanakan tugas verifikasi ini, proses pertukaran hendaklah diuruskan sendiri diantara Pegawai Naziran dari ILJTM yang sama dan masih sah tempoh lantikannya (2015 – 2016). PN adalah **digalakkan untuk menggunakan kenderaan jabatan atau berkongsi kenderaan bagi tujuan penjimatan.**

6. Sebagaimana yang terkandung dalam bidang tugas PN, pihak institut juga perlu membenarkan PN untuk melihat kemudahan, aktiviti latihan dan penilaian yang dilaksanakan serta menemui mana-mana pegawai, pensyarah atau pelajar.

7. Adalah disarankan agar pihak institut memantau pelaksanaan sistem latihan dan penilaian secara menyeluruh dengan menggunakan prosedur dan borang-borang berkaitan seperti yang telah diarahkan. **Pihak tuan diminta menghantar dokumen persijilan akhir pelajar ke Ibu Pejabat sebelum atau pada 7 Ogos 2015 iaitu:-**


- i. Borang Maklumat Persijilan (BK-T14-01)
- ii. Borang Laporan Keputusan Akhir Semester (SPC.05)
- iii. Borang Permohonan Pengeluaran Sijil / Diploma (SPC.06)
- iv. Laporan Verifikasi Pegawai Naziran

8. Bersama-sama ini juga disertakan Panduan Semakan Dokumen Semasa Lawatan Verifikasi dan Format Pembangunan Portfolio Pelajar bagi Persijilan kemahiran Malaysia (SPKM) untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

9. Jika terdapat sebarang kemusykilan berkenaan dengan perkara ini, sila hubungi Pn. Noraliza binti Muhamad di talian 03-88865555 samb. 5912/019-4506784 atau email kepada noraliza.m@mohr.gov.my.

Sekian , terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
'Pekerja Sihat Produktiviti Meningkatkan'



(AZLINA BINTI MOHAMAD SHAFIE)

PANDUAN SEMAKAN DOKUMEN SEMASA LAWATAN VERIFIKASI

1. Membuat semakan terhadap pembangunan portfolio pelajar bagi Persijilan Kemahiran Malaysia mengikut maklumat seperti di **Lampiran 2**.
 - a) Kaedah penilaian yang dicatat dalam Rekod Penyampaian Kumulatif (RPK) hendaklah sama dengan bukti penilaian yang terdapat di dalam portfolio;
 - b) Semua duti dan task bagi tahap tersebut telah lengkap dan
 - c) Melengkapkan Borang Audit Ketrampilan (SPC.07) Tahap 1 dan 2 bagi program sijil dan Tahap 1, 2 dan 3 bagi program diploma.
 - d) Mematuhi keputusan yang ditetapkan oleh MJPP Bil 3/2013 berdasarkan memo JTM, no. rujukan JTM/HQ/900-3/24 (24) bertarikh 13 Januari 2014.
2. Menyemak Himpunan Purata Mata Nilain Gred (CGPA) pada SPC.05 mengikut Sistem Penilaian yang berkuatkuasa.
3. Memastikan penilaian kerja kursus hendaklah dijalankan minima empat (4) kali bagi setiap modul di mana ia merangkumi dua (2) kali penilaian komponen teori dan dua (2) kali penilaian komponen amali. Bentuk kerja kursus perlu diseimbangkan dan melibatkan ujian prestasi dan ujian pengetahuan bagi setiap komponen tersebut.
4. Memastikan pelajar perlu mencapai sekurang-kurangnya markah purata 50% daripada pemberat bagi setiap komponen teori dan amali modul teras untuk layak menduduki Peperiksaan Akhir. Pelajar yang gagal salah satu komponen (tidak mencapai markah purata 50% bagi mana-mana komponen) dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir tetapi modul berkaitan yang gagal tidak akan dinilai.
5. Menyemak Jumlah jam kredit bagi kiraan CGPA dan jumlah kredit graduasi bagi pelajar yang mengulang modul akan ditambah mengikut jumlah bilangan jam kredit modul yang diulang.
6. Proses ulang modul dijalankan tanpa had selagi tidak melebihi semester tambahan yang dibenarkan.
7. Membuat pengesahan pada borang SPC.05 bagi sesi sebelum ini dan SPC.06 bagi pelajar lawatan terakhir.
8. Meletakkan status lain-lain pada borang SPC.06 seperti berikut:-
 - a) Lulus / L
 - b) Gagal / G
 - c) Tangguh / TG
 - d) Berhenti / BH
 - e) Diberhentikan / DBH

**FORMAT PEMBANGUNAN PORTFOLIO PELAJAR BAGI SISTEM
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)**

1. Bukti penilaian yang perlu direkodkan di dalam portfolio adalah merujuk kepada Panduan Persijilan Program Standard Ketrampilan Kebangsaan (SKK) yang berkuatkuasa pada 15 Mac 2012.
2. Setiap Institut mewujudkan kaedah pembangunan portfolio bagi SPKM yang seragam diantara semua bahagian.
3. Kaedah pelaksanaan pembangunan portfolio tersebut hendaklah dijelaskan kepada Pegawai Naziran (PN) semasa mesyuarat pembukaan verifikasi dijalankan.
4. PN dikehendaki menerima pakai kaedah pembangunan portfolio yang dilaksanakan di setiap institut dengan syarat kaedah yang digunakan adalah seragam dan memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh JPK



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/24 (24)

TARIKH: 13 Januari 2014

PERKARA : FORMAT PEMBANGUNAN PORTFOLIO BAGI SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM)	
DARIPADA : TKP	SALINAN : 1) P(KT)
KEPADA : 1) SEMUA PENGARAH ILJTM 2) SEMUA PEGAWAI NAZIRAN ILJTM	

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memo bil. JTM/HQ/900-3/24 (17) bertarikh 15 Mac 2013 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa isu berkenaan keseragaman format pembangunan portfolio bagi Persijilan Kemahiran Malaysia telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Bil 3/2013 yang diadakan pada 11 dan 12 September 2013.


3. Sehubungan dengan itu, jabatan telah membuat ketetapan mengenai format pembangunan portfolio bagi SPKM seperti berikut :

- 3.1 Bukti penilaian yang perlu direkodkan di dalam portfolio adalah merujuk kepada Panduan Persijilan Program Standard Keterampilan Kebangsaan (SKK) yang berkuatkuasa pada 15 Mac 2012;
- 3.2 Setiap institut mewujudkan kaedah pembangunan portfolio bagi SPKM yang seragam diantara semua bahagian;
- 3.3 Kaedah pelaksanaan pembangunan portfolio tersebut hendaklah dijelaskan kepada Pegawai Naziran semasa mesyuarat pembukaan verifikasi dijalankan;
- 3.4 Pegawai Naziran dikehendaki menerima pakai kaedah pembangunan portfolio yang dilaksanakan di setiap institut dengan syarat kaedah yang digunakan adalah seragam dan memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh pihak JPK.

4. Disamping itu juga, jabatan tidak akan mewujudkan format tertentu bagi pembangunan portfolio tersebut. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Azlina Binti Mohamad Shafie di talian 03-88865585. Kerjasama dan perhatian tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Pemangkin Transformasi Negara'



(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.